



---

Fail: ( 6) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 24 November 2011

Ketua Pengarang,

Utusan Malaysia

**Akhbar** : **Utusan Malaysia**  
**Tarikh** : **24 Oktober 2011**  
**Mukasurat** : **33**  
**Subjek** : **10 TAHUN TERBENGKALAI**

---

Merujuk kepada perkara di atas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Kosmo kerana mengetengahkan isu tersebut. Pihak Kementerian khususnya Jabatan Perumahan Negara(JPN) telah membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan.

Untuk makluman, Projek Perumahan Desa Kempas yang dimajukan oleh Maju Delima Sdn. Bhd merupakan projek yang dikategorikan sebagai projek sakit oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Projek ini mengandungi dua (2) jenis pembangunan iaitu Rumah Pangsa Kos Rendah (1 Blok) dan Rumah Pangsa Kos Sederhana (2 Blok). Sebuah blok Rumah Pangsa Kos Sederhana 4 tingkat (334 unit) telah siap dan memperolehi Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) daripada Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 08 Oktober 2007. Manakala baki dua buah blok iaitu Rumah Pangsa Kos Sederhana 4 tingkat (231 unit) dan Rumah Pangsa Kos Sederhana 5 tingkat (125 unit) masih gagal disiapkan oleh pemaju. Projek ini mengalami kelewatan selama 8 tahun dari tarikh projek ini sepatutnya disiapkan.

Jabatan Perumahan Negara melalui Bahagian Pemantauan Projek Perumahan Swasta (BPPS) telah mengadakan beberapa mesyuarat dan lawatan di tapak secara

berkala dan yang terkini, melalui lawatan tapak yang telah diadakan pada 13 Oktober 2011 dan di dapati aktiviti di tapak pembinaan berjalan dengan perlahan. Berdasarkan pemerhatian di tapak dan prestasi pemaju, BPPS mendapati pemaju berusaha untuk menyiapkan projek walaupun tahap kemajuannya agak perlahan. Walaubagaimanapun, pihak BPPS tidak yakin pemaju dapat menyiapkan projek dalam masa terdekat memandangkan syarikat pemaju mengalami masalah kewangan yang teruk.

Sehubungan dengan itu, sekiranya pemaju didapati tidak berkeupayaan dan tidak menunjukkan komitmen untuk meneruskan projek ini, Jabatan perumahan Negara sebagai pemudahcara akan mengambil tindakan mengesyorkan projek ini sebagai perumahan terbengkalai.

Untuk makluman juga, Jabatan Perumahan Negara (JPN) sentiasa memantau secara rapi projek-projek perumahan swasta berlesen yang bermasalah termasuklah Projek Perumahan Desa Kempas.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)

